

# NOTA RANGSANGAN IDEA UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU

ISI	HURAIAN	CONTOH	UNGKAPAN	KESAN	PENEGAS
<b>TEMA 1 : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN</b>					
<b>KEPENTINGAN MENJAGA KESIHATAN &amp; KEBERSIHAN</b>					
Dapat meningkatkan produktiviti kehidupan	memberi kecergasan tubuh badan seseorang untuk menjalankan rutin harian	membantu calon peperiksaan awam untuk menduduki peperiksaan dengan selesa	"Jagalah masa sihat kamu, sebelum datang masa sakit kamu" - Rasulullah	dapat membantu kelicinan aktiviti harian seseorang	Kehidupan yg produktif memerlukan usaha progresif bagi memelihara kesihatan seseorang
Dapat mengurangkan implikasi kesihatan pada hari tua	kebanyakan penyakit berpunca daripada sikap permakanan seseorang yang tidak terancang	Contohnya seperti Penyakit Kencing Manis, Tekanan Darah Tinggi dan sakit jantung	"Makan untuk hidup, bukan hidup untuk makanan" - Socrates, Ahli Falsafah Yunani	penyesalan pada hari tua kerana penyakit yang dihidapinya sukar untuk diubati dan memerlukan kos perubatan yang tinggi	Pada hakikatnya sudah jelas bahawa penjagaan kesihatan adalah penting untuk memelihara kesihatan seseorang
Dapat memupuk perpaduan masyarakat majmuk	kerjasama dlm masyarakat amat penting untuk memelihara kebersihan kawasan perumahan kita	dengan menganjurkan Program Gotong-royong Tahunan yang melibatkan kesemua kaum dalam masyarakat untuk bersama-sama membersihkan persekitaran taman perumahan	"Jangan bertanya sumbangan negara kepada kamu, tetapi tanyalah apakah sumbangan kamu kepada negara" John F. Kennedy, mantan Presiden Amerika Syarikat	dapat menyatukan golongan murba dalam suatu program yang bermatlamat untuk menjaga kebersihan kawasan perumahan	matlamat menjaga kebersihan dapat menyumbang kepada perpaduan kaum di dalam negara ini
Dapat menojolkan imej dan perwatakan yang menarik	apabila seseorang itu mementingkan kebersihan diri sebelum melakukan aktiviti harian	dengan mandi sekurang-kurangnya 2 kali sehari dan mengamalkan budaya menjaga kebersihan seperti memakai pakaian yang bersih dan tidak lembab	Pepatah Cina - "Jika anda ingin bunga ros esok, mulalah menanamnya hari ini." sekiranya kita ingin dipandang baik oleh orang lain, mulakan dengan menjaga kebersihan diri	Bukan hanya sekadar dapat keeselesaian kepada diri, malah ia juga dapat membentuk perspektif yang positif terhadap diri kita	penjagaan kebersihan dapat menonjolkan perwatakan diri yang lebih baik di mata golongan murba
<b>CARA MENJAGA KESIHATAN</b>					
Dengan mengamalkan pemakanan seimbang berdasarkan piramid makanan	kerana pemakanan yang seimbang dapat mengurangkan implikasi tubuh badan apabila menerima zat lemak dan karbohidrat secara berlebihan	mengambil sumber karbohidrat kompleks dan tinggi serat (beras perang, roti bijirin penuh, oat & jagung). saranan KKM semasa mengemas kini Piramid Makanan 2010 yg meletakkan pengambilan karbohidrat daripada 75% kepada 65% sahaja	"Makan untuk hidup, bukan hidup untuk makanan" - Socrates, Ahli Falsafah Yunani	dapat mengurangkan risiko seseorang menghadapi penyakit kronik seperti Tekanan Darah Tinggi, Kencing Manis dan Sakit Jantung	Maka pada hakikatnya kita percaya bahawa penjagaan kesihatan diri dapat dimulakan dengan pengambilan makanan yang seimbang dalam kehidupan harian
Dengan menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala	untuk mendapatkan saranan pegawai perubatan yang akan memeriksa tahap kesihatan kita	dengan menghadiri jadual pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali di fasiliti Klinik Kesihatan yang terdekat	"Jagalah masa sihat kamu, sebelum datang masa sakit kamu" - Rasulullah	dapat mengawal gejala penyakit kronik dari awal	pemeriksaan kesihatan dapat membantu kita mencegah sebarang penyakit sebelum parah

# NOTA RANGSANGAN IDEA UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU

ISI	HURAIAN	CONTOH	UNGKAPAN	KESAN	PENEGAS
Dengan melakukan aktiviti riadah pada setiap petang	kerana aktiviti kesukanan dapat membentuk kecergasan diri	dengan melakukan kayuhan basikal bersama keluarga ataupun dengan melakukan senaman ringan seperti berjalan kaki di sekitar kawasan perumahan dalam tempoh 45 minit	kerana pepatah arab ada menyebutkan; "Otak yang cerdas berada di dalam badan yang sihat"	dapat meningkatkan kecergasan tubuh badan mengurangkan risiko kesihatan seperti penyakit obesiti dan saluran darah tersumb	aktiviti riadah dapat mengekalkan kesihatan tubuh
Dengan menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala	untuk mendapatkan saranan pegawai perubatan yang akan memeriksa tahap kesihatan kita	dengan menghadiri jadual pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali di fasiliti Klinik Kesihatan yang terdekat	"Jagalah masa sihat kamu, sebelum datang masa sakit kamu" - Rasulullah	dapat mengawal gejala penyakit kronik dari awal	pemeriksaan kesihatan dapat membantu kita mencegah sebarang penyakit sebelum parah
Dengan mendapatkan rehat dan tidur secukupnya	untuk membekalkan daya tenaga yang secukupnya sebelum tubuh badan menjalani rutin hariannya	dengan mendapatkan waktu tidur sekurang-kurangnya 6 ke 8 jam sehari bagi remaja berusia 14 tahun hingga 17 tahun	Alah bisa tegal biasa (Apabila telah biasa melakukannya, maka tiada terasa lagi kesukarannya)	dapat mengelakkan kelesuan dan rasa letih di siang hari dapat meningkatkan produktiviti harian	rehat yang cukup penting untuk meningkatkan kecergasan tubuh badan
<b>CARA MENGAWAL WABAK</b>					
Dengan memakai pelitup muka di tempat awam	kerana risiko terdedah dengan penyakit berjangkit sangat tinggi di kawasan sesak	contohnya seperti di dalam pengangkutan awam, pusat beli belah ataupun perhimpunan harian yang melibatkan ramai orang	sediakan payung sebelum hujan	dapat mengelakkan jangkitan virus yang memasuki rongga hidung sebelum menjangkiti organ penafasan manusia	pemakaian pelitup muka penting sebagai langkah mencegah daripada wabak
Cuci tangan dengan sabun atau sanitasi tangan	kerana permukaan tangan terdedah dgn virus apabila menyentuh mana-mana permukaan di tempat awam	dengan membawa botol kecil yang mengandungi cecair pembasmi kuman di mana-mana tempat sahaja	Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada guna	dapat mengurangkan agen bawaan virus yang melekat pada permukaan tapak tangan	Budaya mencuci tangan dapat mengurangkan risiko jangkitan wabak tersebut
dengan tetap berada di rumah hingga penyakit sembuh	kerana dapat mengelakkan jangkitan tersebar kepada orang lain	dengan mendapatkan pemeriksaan kesihatan dari Klinik Kesihatan dan mematuhi tempoh cuti sakit yang diberi oleh pegawai perubatan	Kegagalan yang utama ialah kegagalan mengambil tindakan pertama	dapat menghentikan penularan wabak yang sekali gus membina kehidupan harmoni pd hari seterusnya	Tindakan kuarantin sendiri dapat membantu pengawalan wabak
(KERAJAAN) dengan mengisytiharkan perintah berkurung	supaya menyekat pergerakan masyarakat yang berpotensi membawa penularan wabak berbahaya	dengan menguatkuasa Akta Pencegahan & Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (AKTA 342) yg mengawal pergerakan dan perhimpunan dlm tempoh wabak	Galilah telaga sebelum kehausan	dapat mengelakkan jangkitan ke penduduk kawasan lain apabilan sekatan perjalanan di lakukan	Pematuhan Perintah Berkurung dapat mengawal penularan wabak yang berskala besar seperti COVID-19

# NOTA RANGSANGAN IDEA UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU

ISI	HURAIAN	CONTOH	UNGKAPAN	KESAN	PENEGAS
<b>TEMA 2 : PELANCONGAN</b>					
<b>LANGKAH MEMAJUKAN INDUSTRI PELANCONGAN</b>					
dengan menganjurkan acara antarabangsa	supaya dapat menarik penglibatan masyarakat global dalam acara sukan berprestij tinggi di dlm negara kita	seperti menjadi tuan rumah semasa Sukan Komanwel pada tahun 1998 di Kuala Lumpur mendapat kedatangan pelancong asing dari negara komanwel yang ingin menyaksikan acara sukan berprestij tinggi itu	Sebab bahasa menunjukkan bangsa (Peribahasa), kerana budi rakyat malaysia yang menarik minat pelancong asing ke negara kita	mendapat kepercayaan Pertubuhan Sukan Asia Tenggara untuk menjadikan Malaysia sebagai tuan rumah kepada Temasya Sukan SEA pada tahun 2027 nanti	penganjuran acara antarabangsa dapat menyokong industri pelancongan negara
memperkasakan pelancongan desa dan agro	kerana mempamerkan keunikan desa yang memberi ketenangan kepada pelancong	dengan menaik taraf fasiliti pelancongan di kawasan desa seperti di Tanjung Karang, Sekinchan dan Bukit Melawati	Dayung sudah di tangan, perahu sudah di air - tinggal kita sahaja bertindak sebagai medium memperkasakannya	dapat membuka mata pelancong dalam dan luar negara untuk melihat keindahan alam di negara	Pelancongan Desa dapat dijadikan tarikan bersasar dalam industri pelancongan
dengan meningkatkan prasarana awam	prasarana awam menjadi pilihan bagi pelancong yang ingin mengurangkan kos perjalanan	seperti menambah laluan Transit Aliran Massa (MRT) ke kawasan tumpuan pelancong seperti di Johor Bahru, Bandaraya Melaka	Pengangkutan dan Pelancongan persis bagai Aur dengan Tebing	dapat memudahkan perjalanan pelancong untuk berhubung dari satu kawasan ke kawasan lain	Prasarana awam sebahagian dari fasiliti industri pelancongan yg perlu diberi tumpuan
dengan mengukuhkan tahap keselamatan negara	kerana negara yang aman dapat meningkatkan kepercayaan pelancong asing untuk datang Dengan kerjasama Unit Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur (ESSCOM)	dengan mewujudkan aplikasi digital yang mengandungi Sistem Kedudukan Sejagat (GPS) untuk memantau lokasi pelancong di Sabah supaya tidak memasuki kawasan berisiko pencerobahan	kerana malang tak bisa ditolak, mujur tak bisa diraih	dapat menjamin keselamatan pelancong dari dalam dan luar negara	Tahap keselamatan memainkan peranan penting sebagai penanda aras kepada tarikan pelancong di sesebuah negara
<b>KEPENTINGAN INDUSTRI PELANCONGAN</b>					
menjadi pemangkin ekonomi negara	menarik pelabur asing yang membuka ruang pekerjaan baru kepada masyarakat	seperti perusahawanan inap desa yang membuka tarikan pelancong luar negara dan meningkatkan kadar pertukaran mata wang	menjadi batu loncatan kepada kemajuan ekonomi negara	dapat membawa Malaysia ke arah negara maju yang mengekalkan keunikan dalam sektor pelancongan	Industri Pelancongan telah memajukan ekonomi negara dalam pelbagai cara
memperkenalkan kebudayaan negara bangsa	dengan mempromosikan kawasan pelancongan desa yang unik dan penuh seni budaya serta sejarahnya	seperti kebudayaan orang asli di Perkampungan Orang Asli Bukit Kepong, Linggi yang menyediakan inap desa untuk pelancong	Biar mati anak jangan mati adat	memartabatkan seni budaya masyarakat Malaysia kepada pelancong asing yg ingin menikmati keindahannya	berjaya menonjolkan lagi kebudayaan masyarakat tempatan di peringkat antarabangsa
menarik pelabur asing	Malaysia mencapai keamanan dan kestabilan ekonomi dengan mendapat kehadiran pelancong yg tinggi	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) - Jumlah pelaburan yang diluluskan Sektor Perkhidmatan (2022) = 63.3% dengan RM1.8 bilion dari Sektor Hotel & Pelancongan	Masa depan itu dibeli oleh masa sekarang - Samuel Johnson (penulis dari Britain)	Statistik Data pada tahun 2020 mencatatkan aktiviti pelaburan telah mendatangkan 114,673 peluang pekerjaan baharu melalui 4,599 projek	Prestasi Cemerlang dalam Industri Pelancongan Negara telah membuah kepercayaan pelabur asing untuk membuka perniagaan mereka di sini

# NOTA RANGSANGAN IDEA UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU

ISI	HURAIAN	CONTOH	UNGKAPAN	KESAN	PENEGAS
merancang pembangunan infrastruktur awam	kerana sebahagian infrastrukturnya menjadi keperluan untuk memudahkan pelancong	seperti pembangunan Transit Aliran Massa (MRT) yang dapat menggantikan pengangkutan pelancong di kawasan bandar	menyelam sambil minum air kerana pembangunan infrastruk awam dapat memajukan sektor pelancongan	dapat menarik lebih ramai pelawat kerana kemudahan awam yang disediakan akan memudahkan mereka	menjadikan pembangunan infratraktur lebih maju untuk kemudahan masyarakat awam

## TEMA 3 : KESELAMATAN

### CARA MEMELIHARA KESELAMATAN NEGARA

dengan mematuhi undang-undang negara sepanjang masa	undang-undang dapat mendisiplinkan masyarakat supaya tidak melakukan perkara yg tak sepatutnya	dengan tidak mengambil Pendatang Asing Tanpa Izin sebagai pekerja kerana bimbang akan dikenakan hukuman berdasarkan Seksyen 55B Akta Imegresen 1959/63	Umpama musuh dalam selimut yang merosakkan imej negara dan sekali gus menjejaskan kelangsungan hidup masyarakat tempatan	dapat mengurangkan kes jenayah seperti pencurian, pergaduhan, dan pencerobohan terhadap negara	Pematuhan Undang-undang amat penting untuk memelihara keselamatan negara
dengan mengamalkan sikap toleransi antara kaum	dapat mewujudkan perpaduan masyarakat yg penting untuk mencegah krisis perkauman	seperti Trajedi 13/5/1969 yang menyaksikan pertumpahan darah antara kaum di bandar Kuala Lumpur sehingga membawa pengisytiharan darurat	Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat	dapat mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat majmuk yang hidup berbilang kaum di negara aman ini	Sikap toleransi antara kaum dapat mencegah keruntuhan perpaduan bangsa yg penting untuk mengekalkan keselamatan
dengan menghormati perbezaan kaum dan agama	mencegah pergaduhan antara kaum yg berpunca dari tindakan menghina kaum lain	seperti mematuhi Perkara 11(1) dalam Perlembagaan Persekutuan yg memberi kebebasan beragama dengan tertakluk pada Fasal 4	Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua	membolehkan masyarakat menjalani rutin harian dengan aman	Sikap menghormati kaum lain dapat mengekalkan keselamatan negara dari krisis perkauman
menyediakan perkhidmatan pasukan keselamatan	untuk menguatkuasa undang-undang negara untuk mencegah pencerobohan musuh	seperti Trajedi Pencerobohan Lahad Datu yang menyaksikan pengorbanan 10 pewira negara di Kampung Tanduo pada tahun 2013	Tanggung hilang berani mati (kesediaan menjalankan tugas)	dapat memastikan kedaulatan negara terjamin daripada ancaman musuh	Perkhidmatan pasukan Keselamatan dapat menjamin keselamatan dalam & luar negara

### CARA MEMASTIKAN KESELAMATAN DALAM TALIAN

tidak klik pautan yang mencurigakan	untuk mengelak pencerobohan data peribadi melalui kepakaran penggodaman	seperti jenayah siber yang dikenali sebagai "Phishing" atau "memancing" yang bertujuan untuk mencuri data penting pengguna	Kegagalan yang utama ialah kegagalan mengambil tindakan pertama	dapat memelihara data peribadi seperti maklumat bank, alamat dan nombor pengenalan dari dicuri	langkah awal amat penting untuk mengurangkan risiko keselamatan
Sentiasa kunci telefon pintar anda sepanjang masa	supaya tidak data peribadi tidak dilihat oleh orang lain	dengan tidak menggunakan Sistem Muka Skrin Kunci yang mendedahkan kata laluan pengguna melalui imbasan wajah	Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada guna	dapat memelihara data peribadi supaya tidak diperohi dari orang lain	Kunci telefon Pintar adalah dapat meningkatkan tahap keselamatan dalam talian
Jangan kongsi maklumat peribadi secara dalam talian	bimbang disalah guna pakai oleh syarikat yg mendapatkan keuntungan dari jualan data	seperti tindakan berkongsi maklumat bank secara melulu di laman sesawang yang tiada kesahihannya	mestilah berkubu sebelum alah (berjaga-jaga sebelum mendapat kesusahan)	dapat mengurangkan risiko transaksi wang atas talian secara haram	Tindakan tidak melulu semasa memberi data peribadi di atas talian

# NOTA RANGSANGAN IDEA UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU

ISI	HURAIAN	CONTOH	UNGKAPAN	KESAN	PENEGAS
menguatkuasa undang-undang siber	untuk memastikan penjenayah tersebut dapat didakwa dengan tindakan tegas	dengan mengumpulkan pakar-pakar teknologi untuk memanifestasikan fikiran dalam merangka undang-undang jenayah siber lebih efisien	hendak ucok dilawan damai, hendak perang giling peluru (tidak menolak kehendak musuh atau lawan)	dapat memerangi jenayah siber sehingga ke akar umbi	Penggubalan undang-undang penting memastikan tahap keselamatan siber terjaga
<b>TEMA 4 : PERPADUAN</b>					
<b>FAEDAH PERPADUAN KAUM</b>					
mewujudkan sikap bekerjasama dan saling menyayangi	untuk memudahkan sesuatu kerja apabila wujudnya muafakat antara kaum	seperti usaha menjaga kebersihan perumahan melalui Program Gotong-royong yang melibatkan semua kaum dalam masyarakat	Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing	dapat memajukan pembangunan negara apabila saling berganding bahu semasa melaksanakan tugas	Perpaduan dapat membina kebersamaan masyarakat yang berbilang kaum
mengelakkan perbalahan antara kaum	kerana menjejaskan imej negara dan meruntuhkan akhlak anak bangsa	seperti Trajedi 13 Mei 1969 yang berpunca daripada keruntuhan perpaduan kaum dan tindakan menghina kaum lain	Seperti telur dua sebandung, pecah satu pecah keduanya (bersatu hati)	dapat mengelakkan pertumpahan darah dan krisis keselamatan negara	Perpaduan dapat menjamin keamanan negara
merapatkan persahabatan antara kaum	kerana memberi kekuatan dan daya lonjakan kepada kemajuan negara	seperti kebersamaan masyarakat dalam memberi sokongan kepada pasukan sukan negara	Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat	dapat melahirkan generasi yang bersatu ketika susah dan senang, menang atau kalah	perpaduan dapat meningkatkan penyatuan dalam masyarakat
mengenali keunikan budaya suku kaum lain	untuk menambah pengetahuan diri mengenai kebudayaan yang wujud di negara kita	seperti mengenali kecantikan busana tradisional kaum lain	Biar mati anak jangan mati adat	dapat mengekalkan kebudayaan negara bangsa yang penting bagi generasi akan datang	Perpaduan dapat menambahkan pengenalan antara kaum
<b>USAHA MEMUPUK PERPADUAN KAUM</b>					
dengan menganjurkan Majlis Rumah Terbuka	menjemput kehadiran semua kaum dalam masyarakat bagi meraikan sebarang perayaan	seperti Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani yang dihadiri Perdana Menteri Malaysia pada 29/4/23 di Alor Setar	Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat	dapat menyatukan golongan murba dalam suatu program yang bermatlamat untuk memupuk perpaduan bangsa	Penganjuran Majlis Rumah Terbuka dapat memberi ruang kebersamaan masyarakat
mengadakan Program Gotong-royong tahunan	untuk memastikan kebersihan kawasan perumahan terpelihara	dengan membahagikan tugas berkumpul yang mempunyai gabungan kaum	Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dilepah	dapat menerapkan nilai kerjasama antara kaum	Program Gotong-royong Tahunan dpt mengekalkan perpaduan kaum
dengan menyambut Sambutan Hari Kebangsaan	memerlukan pelbagai persembahan yang melibatkan pelbagai kaum	dengan mengadakan perarakan kebudayaan setiap suku kaum di Malaysia	Dimana bumi dipijak, di situ langit dijunjung	dapat menonjolkan imej kebersamaan masyarakat Malaysia dalam meraikan kemerdekaan negara	Sambutan Hari kebangsaan dapat menyatukan perpaduan kaum
mewujudkan Subjek Seni dan Budaya	kerana dapat mendidik generasi muda mengenali keunikan kaum di Malaysia	dengan mewujudkan Plan Pendidikan Kebudayaan yang merangka perancangan penuh bagi hala tuju pembelajaran dan pekerjaan yang akan diperoleh	Biar mati anak jangan mati adat	dapat mengekalkan kebudayaan bangsa yang mewujudkan perpaduan antara kaum	Pendidikan dapat melatih perpaduan antara kaum dengan mengenali antara satu sama lain

# NOTA RANGSANGAN IDEA UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU

ISI	HURAIAN	CONTOH	UNGKAPAN	KESAN	PENEGAS
<b>TEMA 5 : KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA</b>					
<b>USAHA MENGEKALKAN BUDAYA TRADISIONAL</b>					
mewujudkan Subjek Seni dan Budaya	kerana dapat mendidik generasi muda mengenali keunikan kaum di Malaysia	dengan mewujudkan Plan Pendidikan Kebudayaan yang merangka perancangan penuh bagi hala tuju pembelajaran dan pekerjaan yang akan diperoleh	Biar mati anak jangan mati adat	dapat mengekalkan kebudayaan bangsa yang mewujudkan perpaduan antara kaum	Pendidikan dapat melatih perpaduan antara kaum dengan mengenali antara satu sama lain
menetapkan Baju Tradisional sebagai uniform sekolah	kerana dapat membudayakan keunikan kaum masing-masing	Pelajar Lelaki Melayu - Baju Melayu, bersamping dan tanjak Pelajar Perempuan Melayu - baju kurung, tudung Pelajar Cina - Cheongsam (Qipao) Pelajar India Lelaki - Dhoti Pelajar India Wanita - Sari	Tak lapuk dek hujan, tak lejang dek panas	dapat mendidik generasi baru menghargai keunikan Malaysia yang memiliki kepelbagaian kaum	Kerjasama pihak kerajaan dalamewartakan hasrat ini dapat membantu golongan murba mengekalkan budaya tradisional ini
menganjurkan Pemeran Kebudayaan di sekolah-sekolah	kerana didikan awal tentang sejarah kebudayaan bangsa dapat menarik minat pelajar mendalami keunikannya	dengan menganjurkan Program Kembara Adat yg menyediakan pakar penceramah untuk memberi kesedaran kepada generasi muda	meluntur buluh biarlah dari rebunnya	dapat mendedahkan kepada pelajar mengenai kepentingan budaya dalam sesuatu bangsa	Pameran Kebudayaan dapat menjadi langkah permulaan mendidik generasi muda dgn budaya
mewartakan Hari Kebudayaan Negara	kerana menitikkan kesedaran semua golongan tentang kepentingan budaya bangsa	dengan menetapkan pemakaian tradisional kepada semua penjawat awam pada hari tersebut	Serumpun bak serai, sesusun bak sirih	dapat membudayakan pakaian tradisional kepada masyarakat yang kin melupakannya	Hari Kebudayaan Negara dapat mengekalkan kebudayaan di negara ini
<b>KEUNIKAN BUSANA MELAYU</b>					
Kedudukan samping yang berbeza	kerana busana Melayu amat mementingkan identiti seseorang yang menjadi nilai maruahnyanya	seperti pemakaian samping atas lutut yang merujuk kepada golongan lelaki bujang manakala pemakaian samping bawah pinggang merujuk kepada golongan lelaki sudah berkahwin	Bagai isi dengan kuku	dapat melambangkan status perkahwinan bagi pemakai tanpa perlu diberitahu secara tutur katanya	Pemakaian samping turut menampilkan keunikan busana Melayu
Kedudukan ikatan kepala samping yang unik	kerana melambangkan status kedudukan seseorang dalam institusi masyarakat	seperti Ikatan Pancung yang digunakan oleh kebanyakan bangsawan Melayu	Biar mati anak jangan mati adat	membezakan peranan seseorang dalam masyarakat menampilkan keterampilan unggul seperti pahlawan	Ikatan samping mempunyai erti tersirat
Memiliki falsafah keagamaan	kerana mementingkan pemeliharaan aurat lelaki dari pusat hingga lutut	seperti pemakaian samping yang sehingga ke paras lutut	hidup dikandung adat, mati dikandung anak	dapat memelihara maruah diri	Busana Melayu menyimpan seribu satu erti yang penuh falsafah
Jenis tenggolok atau destar	kerana melambangkan susur jalur keturunan pemakainya	Tanjak Dendam Tak Sudah yang hanya digunakan oleh Raja yang memerintah seperti YDPA	Tak lapuk dek hujan, tak lejang dek panas	dapat mengingatkan pemakai tentang asal usul keturunan mereka	Pemakaian tenggolok adalah sebahagian dari imej bangsa

# NOTA RANGSANGAN IDEA UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU

ISI	HURAIAN	CONTOH	UNGKAPAN	KESAN	PENEGAS
<b>TEMA 6 : JATI DIRI, PATRIOTISME &amp; KEWARGANEGARAAN</b>					
<b>USAHA MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTIK</b>					
dengan menyambut Sambutan Hari Kebangsaan	memerlukan pelbagai persembahan yang melibatkan pelbagai kaum	dengan mengadakan persembahan lakonan pejuang tanah Melayu	Dimana bumi dipijak, di situ langit dijunjung	dapat menonjolkan imej kebersamaan masyarakat Malaysia dalam meraikan kemerdekaan negara	Sambutan Hari kebangsaan dapat memupuk rasa cinta pada negara
dengan melawat pejuang-pejuang Melayu yang masih hidup	untuk memahami perjuangan tokoh-tokoh Melayu dalam mendapatkan kemerdekaan negara	Program Kembara Pahlawan yang mencari keberadaan tokoh-tokoh pejuang Melayu dan mendapatkan pesanan untuk generasi muda	Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri	dapat menyimpan pesanan penting daripada pejuang kemerdekaan	Program sedemikian dapat memberi kesedaran tentang pentingnya pertahanan negara
kempen melalui media massa	untuk menarik minat golongan muda	Pertandingan Gambar Patriotik yang mempamerkan pemakaian berunsurkan kebangsaan	hidup dikandung adat, mati dikandung anak	dapat menyemarakkan lagi semangat patriotik dalam diri	Media Massa adalah ruang baru mempromosikan semangat cinta negara
mewujudkan Subjek Seni dan Budaya	kerana dapat mendidik generasi muda mengenali keunikan masyarakat di Malaysia	dengan mewujudkan Plan Pendidikan Kebudayaan yang merangka perancangan penuh bagi hala tuju pembelajaran dan pekerjaan yang akan diperoleh	Biar mati anak jangan mati adat	dapat mengekalkan kebudayaan bangsa disamping menanam rasa cinta kepada negara dalam diri pelajar	Pendidikan dapat melatih memupuk semangat patriotik yang lebih progresif
<b>CIRI-CIRI WARGANEGARA YANG MAMPU MEMBINA NEGARA CEMERLANG</b>					
mengamalkan 5 rukun negara	kerana menjadi asas kerakyatan dalam Perlembagaan Malaysia	kepercayaan kepada Tuhan, kesetiaan kepada raja dan negeri, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang, kesopanan dan kesusilaan	Masuk kandang kambing mengembek, masuk kerbau menguak	dapat membina masyarakat yang harmoni	Rukun Negara adalah asas membentuk masyarakat yang disiplin
dengan mematuhi undang-undang negara sepanjang masa	undang-undang dapat mendisiplinkan masyarakat supaya tidak melakukan perkara yg tak sepatutnya	dengan tidak mengambil Pendaatang Asing Tanpa Izin sebagai pekerja kerana bimbang akan dikenakan hukuman berdasarkan Seksyen 55B Akta Imegresen 1959/63	Umpama musuh dalam selimut yang merosakkan imej negara dan sekali gus menjejaskan kelangsungan hidup masyarakat tempatan	dapat mengurangkan kes jenayah seperti pencurian, pergaduhan, dan pencerobohan terhadap negara	Pematuhan Undang-undang amat penting untuk memelihara keselamatan negara
dengan mengamalkan sikap toleransi antara kaum	dapat mewujudkan perpaduan masyarakat yg penting untuk mencegah krisis perkauman	seperti Trajedi 13/5/1969 yang menyaksikan pertumpahan darah antara kaum di bandar Kuala Lumpur sehingga membawa pengisytiharan darurat	Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat	dapat mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat majmuk yang hidup berbilang kaum di negara aman ini	Sikap toleransi antara kaum dapat mencegah keruntuhan perpaduan bangsa yg penting untuk mengekalkan keselamatan
dengan menghormati perbezaan kaum dan agama	mencegah pergaduhan antara kaum yg berpunca dari tindakan menghina kaum lain	seperti mematuhi Perkara 11(1) dalam Perlembagaan Persekutuan yg memberi kebebasan beragama dengan tertakluk pada Fasal 4	Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua	membolehkan masyarakat menjalani rutin harian dengan aman	Sikap menghormati kaum lain dapat mengekalkan keselamatan negara dari krisis perkauman

# NOTA RANGSANGAN IDEA UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU

ISI	HURAIAN	CONTOH	UNGKAPAN	KESAN	PENEGAS
<b>TEMA 7 : SAINS, TEKNOLOGI &amp; INOVASI</b>					
<b>KEBAIKAN NANOTEKNOLOGI DALAM KEHIDUPAN</b>					
Nanoteknologi ialah penghasilan bahan, alat dan sistem baru menerusi pengawalan unsur dalam skala nanometer sehingga ke tahap molekul dan atom.					
dapat memudahkan urusan perubatan	kerana gen yang rosak dapat digantikan dengan gen normal	Gen normal dimasukkan ke dalam nukleus sel rosak dengan partikel nano sebelum memulakan Proses Regeneratif yang menjana Gen Normal	Kemajuan teknologi seperti kapak di tangan seorang penjahat patologis. - Albert Einstein	dapat merawat pesakit tanpa memerlukan pembedahan	Nanoteknologi merupakan kecanggihan besar dalam dunia perubatan
dapat mencipta cip komputer bersaiz nano	Cip dan peranti papan litar ini mengawal proses dan operasi komputer	dapat menjana kuasa tinggi kepada komputer dengan menyimpan lebih banyak mamori	Teknologi berkembang dengan sendirinya. Teknologi memungkinkan lebih banyak teknologi. - Alvin Toffler	Komputer dapat beroperasi pada frekuensi yang lebih tinggi, dengan dimensi yang linear, kebolehharian yang tinggi dan perlepasan haba yang rendah	Pemprosesan Data akan lebih cepat dan lancar
dapat menerokai aplikasi pertanian secara saintifik	Partikel nano bersaiz 5 nm lebih kecil daripada virus tanaman	Partikel nano dapat memasuki Asid Amino pada Virus melalui proses resapan yg dibantu oleh Pathogen	Sains hari ini adalah teknologi di masa depan. - Edward Teller	dapat memberi maklumat melalui reaksi kimia dan fizik pada sel dalam virus	Nanoteknologi berjaya memajukan Sektor Keselamatan Makanan
dapat menghasilkan Mikroskop Prob Imbasan	kerana mempunyai resolusi tinggi untuk melihat spesimen kajian bersaiz nano	teknologi nano membenarkan pengecilan dalam prestasi yang tertinggi	Teknologi itu diciptakan untuk mempermudah hidup orang lain, kan? Bukannya membuat orang jadi tambah susah atau tambah sesat. - Silvarani	dapat menjadikan produk murah kepada pemprosesan mesin yang berfrekuensi tinggi dan produktif	Nanoteknologi membantu dalam penyelidikan saintifik
<b>KEPENTINGAN SAINS DAN TEKNOLOGI</b>					
memudahkan komunikasi antara manusia	kerana mampu berhubung dengan manusia dari segenap pelusuk dunia walaupun dalam bahasa yang berbeza	dengan menggunakan media massa sebagai ruang perhubungan antara manusia di alam maya	Bak kata pepatah orang Melayu, lain dahulu lain sekarang	dapat berkongsi ilmu dan pengetahuan untuk dipraktikkan dalam kehidupan harian	Sains & Teknologi dapat memajukan pemikiran manusia dalam segenap jurusan bidang
memajukan Industri Perubatan secara global	untuk merawat penularan wabak yang berbahaya dan mencegah penyebarannya	dengan menghasilkan produk imunisasi buatan seperti vaksin yang berfungsi sebagai agen penjana maklumat kepada sel darah putih	Sains hari ini adalah teknologi di masa depan. - Edward Teller	dapat memastikan kemaslahatan masyarakat global terjamin daripada serangan penyakit berjangkit	memberi persiapan kepada umat manusia untuk mendepani cabaran kesihatan pada masa depan

# NOTA RANGSANGAN IDEA UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU

membentuk sistem pendidikan yang lebih efektif	kerana jika dulu pelajar perlu menelaah dan mentafsir buku-buku untuk menyiapkan tugas	dapat membuka jalan pencarian yang mudah melalui maklumat yang disediakan dari pelbagai laman sesawang	Teknologi hanyalah alat. Namun, untuk menjadikan anak-anak bisa saling bekerjasama dan termotivasi, guru adalah yg paling penting. - Bill Gates	dapat mengetengahkan pendidikan secara intersif yang dapat menarik minat pelajar menambahkan ilmu mereka	melahirkan generasi muda yang lebih kreatif dalam menentukan masa depan umat manusia
merealisasikan Revolusi Perindustrian Keempat	untuk mewujudkan mesin yg dilengkapi dengan kecerdasan buatan dan dikendalikan secara autonomi sepenuhnya	dengan menggunakan Teknologi Gelombang Otak yang merekodkan hasil impuls elektrik dari otak manusia ke komputer melalui kepingan elektrod pada kulit kepala	Komputer akan melakukan apa yang Anda perintahkan, tetapi itu mungkin jauh berbeda dari apa yang Anda pikirkan. - Joseph Weizenbaum	dapat membantu perubatan prostetik atau organ buatan untuk membuat tafsiran dengan tahap aktiviti otak	Sains & Teknologi dapat memajukan ketamadunan umat manusia